

31/03/2004

Pengiktirafan buat Nazmizan, Nicol

Lukman Salleh

JAGUH pecut Asia Tenggara, Nazmizan Mohammad dinobatkan selaku Olahragawan Kebangsaan manakala ratu skuasy Nicol Ann David pula sebagai Olahragawati Kebangsaan di majlis Anugerah Sukan Negara 2003 di Subang Jaya malam tadi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dipilih menerima Anugerah Tokoh Sukan, pada majlis gilang-gemilang itu.

Anugerah disampaikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Syed Putra Jamalullail. Majlis turut diserikan kehadiran Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan yang baru Datuk Azalina Mohd Said, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Wira Mazlan Ahmad dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar.

Selain disarungkan blazer kuning sebagai melambangkan anugerah olahragawan dan olahragawati kebangsaan, Nazmizan dan Nicol juga menerima piala pusingan dan wang tunai RM10,000.

Pemilihan Nazmizan selaku Olahragawan Kebangsaan 2003 agak mengejutkan kerana kejayaannya hanya bersandarkan kepada kemenangan dua pingat emas 100 dan 200 meter di Sukan Sea XXII Disember tahun lalu.

Malah Nazmizan mengetepikan calon pilihan iaitu perseorangan badminton utama negara Wong Choong Hann, yang muncul naib juara dunia 2003 dan raja renang Lim Keng Liat.

"Saya terkejut kerana tidak menyangka diumumkan sebagai olahragawan kebangsaan," kata Nazmizan. "Pada mulanya saya berpendapat Choong Hann akan memenangnya kerana dia calon yang lebih layak.

"Tetapi mungkin sudah rezeki saya dan jawatankuasa pemilihan yang membuat keputusan dan anugerah ini menaikkan lagi semangat saya untuk meningkatkan prestasi dan melayakkan diri ke Sukan Olimpik Athens," katanya.

Manakala Urusetia Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Sukan Negara, Datuk Zolkples Embong pantas menepis tanggapan wujudnya pemilihan yang kontroversi.

"Tidak ada sebarang pertikaian," kata Zolkples semalam. "Jawatankuasa pemilihan berpendapat Nazmizan sememangnya layak berdasarkan dua pingat emas acara pecut di Sukan Sea XXII dan kejayaan menamatkan kemarau 36 tahun bagi kemenangan berganda ini.

"Jawatankuasa bukan hanya melihat kejayaan di peringkat dunia saja tetapi juga mempertimbangkan faktor lain dan sememangnya jika dilihat kepada persediaan dan halangan yang perlu dihadapi Nazmizan, seharusnya dia layak menerima anugerah ini.

"Pada undian terakhir Nazmizan bersaing dengan Choong Hann dan dia mendapat undian yang besar," kata Zolkples.

Bagi Nicol pula, ini anugerah keduanya dengan kemenangan pertama pada 1999 apabila muncul atlit wanita termuda dinobatkan olahragawati kebangsaan.

Dia mengetepikan cabaran pemain bowling Shalin Zulkifli dalam undian yang sengit, serta pemain badminton Wong Mew Choo.

Bagaimanapun, bowling menutup kekecewaan mereka apabila menerima anugerah bagi pasukan terbaik lelaki dan wanita hasil kejayaan cemerlang muncul juara berpasukan pada kejohanan Berpasukan Tenpin Dunia kelima di